

KHUTBAH JUMAAT
“MENELADANI UTUSAN MULIA”
(22 September 2023M/ 6 Rabiulawal 1445H)

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلِ :

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحِبِّكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ أَعْلَمُ

غَفُورٌ رَّحِيمٌ

٢١

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَاحِبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا . أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ
تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

Muslimin yang dirahmati Allah,

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin kita ke jalan yang benar, memenuhi jiwa kita dengan kebaikan dan rahmah, memandu kita ke arah kesejahteraan dan keamanan, menjadikan kita insan yang sempurna, tenang dan berjaya di dunia dan di akhirat. Takwa dan iman juga akan menghakis perasaan yang buruk dalam hati kita dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang. Justeru, bersempena dengan hari Jumaat yang mulia ini marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*.

Khatib ingin mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat. Oleh itu, dengarlah khutbah yang bertajuk: "***Meneladani Utusan Mulia***"

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ali 'Imran, Ayat 31:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحِبِّبُكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ عَفُورٌ رَّحِيمٌ

۲۱

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad SAW): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Saban tahun, kita meraikan Maulidur Rasul bagi memperingati kelahiran Baginda Nabi *sallallahu alaihi wasallam*. Kelahirannya merupakan nikmat yang tidak ternilai bagi seluruh umat. Sayyid Alwi al-Maliki al-Hasani menjelaskan dalam kitabnya bertajuk "Mukhtasar Sirah Nabawiyah" menjelaskan bahawa memperingati Maulid Nabi tergolong dalam perkara kebaikan.

Kaum muslimin yang dikasihi Allah,

Bagi mengambil teladan daripada kelahiran Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*, tiga kata kunci utama berikut hendaklah diberi perhatian oleh setiap muslim.

Pertama: Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* adalah pedoman. Detik kelahiran Nabi *sallallahu alaihi wasallam* telah mengubah lanskap masyarakat jahiliyah ketika itu daripada kehidupan yang tiada pedoman kepada kehidupan beragama yang bermatlamatkan kejayaan dunia dan kesejahteraan hidup di akhirat. Bermula dengan terpadamnya api sembahana kaum Majusi dan runtuhnya singgahsana Raja Parsi yang gah pada ketika itu, kejadian ini secara tidak langsung menjadi titik permulaan kepada petanda lahirnya seorang utusan akhir zaman yang akan menjadi suri teladan buat sekalian insan. Perkara ini bertepatan dengan firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah at-Taubah, Ayat 33:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَىٰ
الْأَدِينَ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ

٢٣

Maksudnya: *Dialah yang telah mengutus Rasul-Nya (Muhammad) dengan membawa petunjuk dan agama yang benar (agama Islam), untuk dimenangkan dan ditinggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya.*

Ajaran yang dibawa oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* adalah panduan ke arah kehidupan berkualiti yang seimbang antara dunia dan akhirat. Perkara ini ditegaskan oleh Baginda Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* dalam sebuah hadis:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي قَدْ تَرَكْتُ فِيْكُمْ مَا إِنْ أَخَذْتُمْ بِهِ لَنْ تَضِلُّوا كِتَابَ اللَّهِ
وَعِتْرَتِي أَهْلَ بَيْتِي

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya aku telah tinggalkan kepada kamu sesuatu, jika kamu berpegang kepadanya niscaya kamu tidak akan sesat iaitu Kitabullah dan ahli bait-ku (keturunanku).*

(Hadis riwayat Imam Ahmad; dan Imam At-Tirmizi, yang menurutnya hadis ini berstatus Hasan Gharib)

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah meninggalkan kepada kita al-Quran dan hadis untuk dijadikan panduan dalam kehidupan. Oleh kerana kelemahan dan kelalaian kita, pedoman yang ditinggalkan kadangkala tidak dipedulikan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-A'raaf, ayat 158 yang bermaksud:

“ Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, Nabi yang Ummi yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimah-Nya (Kitab-kitab-Nya); dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kedua: Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* merupakan *wasilah* kecintaan untuk memperoleh rahmat Allah *subhanahu wata'ala*. Sambutan Maulidur Rasul bukannya hanya satu bentuk lakonan seolah-olah hanya pada waktu-waktu tertentu sahaja kita menzahirkan kecintaan terhadap Baginda *sallallahu alaihi wasallam*. Al-Marhum Syeikh Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi menegaskan, “yang penting dalam menyambut maulid ialah kita melaksanakan perkara yang disukai oleh empunya maulid (Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*) dan Pencipta empunya maulid (Allah *subhanahu*

wata'ala) serta berpegang teguh kepada manhaj yang dibawa oleh Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*". Oleh itu, cinta kepada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* hendaklah disemai dan dibajai dengan cinta kepada sunnah atau risalah yang ditinggalkan oleh Nabi *sallallahu alaihi wasallam*, bukan sekadar cinta kepada jasad dan keturunan Baginda. Firman Allah subhanahu wata'ala dalam Surah Ali Imran ayat 31 yang bermaksud:

"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Ketiga: Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* merupakan lambang kasih sayang. Kecintaan Baginda Nabi *sallallahu alaihi wasallam* kepada umatnya bukan sahaja di dunia semata-mata, namun juga melangkau jauh di akhirat. Ketika umatnya gementar berhadapan penghakiman Allah subhanahu wata'ala, Baginda *sallallahu alaihi wasallam* merayu kepada Allah subhanahu wata'ala supaya umatnya diringan dan dilepaskan daripada azab api neraka. Dalam sebuah hadis riwayat Muslim, Baginda Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

لِكُلِّ نَبِيٍّ دَعْوَةٌ مُسْتَجَابَةٌ فَتَعَجَّلَ كُلُّ نَبِيٍّ دَعْوَتَهُ وَإِنِّي أَخْتَبَأُ دَعْوَتِي
شَفَاعَةً لِأُمَّتِي فَهِيَ نَائِلَةٌ مَنْ مَاتَ مِنْهُمْ لَا يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا

Maksudnya: “*Setiap Nabi mempunyai doa yang mustajab, maka setiap Nabi telah menggunakan doa mereka yang mustajab itu semasa di dunia, sedangkan aku menyimpan doaku untuk memberikan syafaat kepada umatku (pada hari kiamat). Syafaat itu akan diperolehi oleh umatku yang meninggal dunia (dalam keadaan) tidak menyekutukan Allah dengan sesuatu apapun”.*

(*Hadis riwayat Imam Ibnu Majah*)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, antaranya ialah:

Pertama: Sambutan Maulidur Rasul merupakan manifestasi kecintaan umat terhadap Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*.

Kedua: Berpegang teguh dengan ajaran al-Quran dan al-Sunnah merupakan bekalan yang akan menyelamatkan manusia daripada setiap keburukan di dunia dan akhirat.

Ketiga: Selaku umat yang beriman kepada Allah subhanahu wata'ala dan Rasulullah, jangan sesekali menyakiti Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dengan melakukan perkara-perkara maksiat yang tidak disukai oleh Baginda. Firman Allah subhanahu wata'ala dalam ayat 128 Surah al-Taubah:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا
عِنْتُمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ



Maksudnya: “Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) dia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

قَالَ اللّٰهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

وَارْضَى اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلُقَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمَهْدِيْيَنَ، سَادَاتِنَا أَيُّ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبُّ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Tuan Yang Terutama Pemangku Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas

kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.